

Edisi  
**Disember**  
2015



MAJLIS PELANCARAN PROGRAM  
**KECEMERLANGAN**  
**BAKAT**

ANAK-ANAK ISTIMEWA





**DYTM TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA IBNI TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL**  
D.K., S.P.M.P., P.A.T, Doctor of Education (Honoris Causa) La Trobe University Melbourne, Australia  
**DYTM RAJA MUDA PERLIS / TUANKU CANSELOR UniMAP**

**DYTM TUANKU HAJAH LAILATUL SHAHREEN AKASHAH KHALIL**  
S.P.M.P Honoris Causa in Health Sciences (Universidad Nacional Pedro Henriquez Urena, RD)  
**DYTM RAJA PUAN MUDA PERLIS/ DYT PRO CANSELOR UniMAP**

## PELANCARAN PROGRAM MERAIKAN **KECEMERLANGAN BAKAT** ANAK-ANAK ISTIMEWA

### ATUR CARA MAJLIS

|             |  |
|-------------|--|
| 2.05 petang | Ketibaan <b>tetamu jemputan</b>  |
| 2.20 petang | Ketibaan <b>Ketua - ketua Jabatan</b>  |
| 2.30 petang | Ketibaan <b>YBhg Datuk Naib Canselor &amp; isteri</b>  |
| 2.45 petang | Keberangkatan tiba <b>DYTM Pro Canselor UniMAP</b>   |
| 3.00 petang | <ul style="list-style-type: none"><li>• Nyanyian lagu <b>WAWASANKU</b></li><li>• <b>Bacaan</b> doa</li><li>• <b>Tayangan Multimedia A-HEART</b></li><li>• Ucapan Aluan <b>YBhg Naib Canselor</b></li><li>• Persembahan anak - anak <b>istimewa</b></li><li>• The Exploration Journey</li><li>• Penyerahan <b>Kad Keahlian Hub A - HEART</b></li><li>• Penyampaian <b>Cenderahati</b></li><li>• <b>Lagu Semangat</b> UniMAP</li></ul> |
| 4.00 petang | <ul style="list-style-type: none"><li>• Lawatan ke <b>Hub A-HEART</b></li><li>• Lawatan Ke Pameran <b>The Exploration Journey</b> by <b>Kirtanraw Subramanian</b></li></ul>  |
| 4.45 petang | Jamuan   |
| 5.15 petang | Keberangkatan balik <b>DYTM Pro Canselor UniMAP</b>  |

Lounge Suit (Lelaki)  
Baju Kebangsaan (Perempuan) **PAKAIAN**

## PENGHARGAAN

Jawatankuasa penganjur Majlis Pelancaran Program Meraikan Kecemerlangan Bakat Anak-Anak Istimewa ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada individu & organisasi atas sumbangan dan kerjasama mereka dalam menjayakan pameran ini.

# BULETIN A- UniMAP

EDISI JULAI 2015



BULETIN A-HEART  
ISU JULAI 2015

SEKITAR A-HEART  
AKTIVITI@KEMANIS  
SEMINAR #SUKARELAWAN  
A-HEART  
#PROJEK LOVE OKU  
KENALI AUTISME

HUBUNGI KAMI:  
Penyelaras A-HEART  
[aheart@unimap.edu.my](mailto:aheart@unimap.edu.my)  
Tel: 04-9885402

Buletin A-HEART diterbitkan  
enam kali setahun (Mac, Mei,  
Julai, September, Disember)

I love a child  
with autism

Bulan April merupakan Bulan Kesedaran Autisme. Sehubungan itu, pihak A-HEART UniMAP dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perlis buat julung-julung kalinya telah menganjurkan majlis perasmian Program Kesedaran Autisme 2015 Peringkat UniMAP.

Majlis perasmian yang bertemakan *You are a gift to the world* telah disempurnakan oleh DYTM Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil, Raja Puan Muda Perlis yang juga Pro Canselor UniMAP. Hadir sama, Pengurus PISKANITA Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Datuk Noridah Yangman; Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UniMAP, Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal; Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Perlis, Tuan Haji Zaimi Abdul Rani dan Ketua Pustakawan Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra merangkap Penyelaras Autism Hub for Educational Resources and Training (A-HEART), Puan Mazmin Mat Akhir.

Program tersebut sangat bermakna dengan persembahan tarian golongan istimewa dari Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) dari seluruh negeri Perlis. Setiap PDK juga turut memberi kerjasama dengan menganjurkan pameran kraftangan anak-anak istimewa untuk tatapan warga UniMAP. Para pengunjung juga berpeluang mendapatkan T-shirt A-HEART dan dalam masa yang sama menyumbang kepada tabung A-HEART.



# SEKITAR

## A-



### SEMINAR #SUKARELAWAN A-HEART




Dr Hajjah Faizah Bt Hj Mas'ud dalam sesi ceramah.

Pada 23 Mei 2015 yang lalu, telah berlangsung Seminar #Sukarelawan A-Heart bertempat di Auditorium Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra. Ceramah bertajuk 'Keterlibatan Masyarakat dalam Meningkatkan Kesejahteraan Golongan Istimewa' telah disampaikan oleh penceramah yang dijemput khas dari Universiti Malaysia Sarawak, Dr Hajjah Faizah Bt Hj Mas'ud. Seminar yang bertujuan untuk menggalakkan penyertaan ahli komuniti dalam program kesukarelawan ini mensasarkan kepada para pelajar Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).



Seminar ini telah dihadiri oleh lebih 100 orang sukarelawan ini bertujuan untuk meningkatkan semangat kesukarelawan dalam membangunkan anak-anak istimewa.



# #PROJEK OKU

Disusun oleh: NUR MARWANI MALIKI  
nurmarwani@unimap.edu.my

## PERASMIAN #PROJEK OKU



Sukarelawan #Projek ❤️ OKU bergambar kenangan dengan DYTM Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil

Di samping majlis perasmian Program Kesedaran Autisme ini, turut berlangsung majlis pelancaran #Projek ❤️ OKU yang dipimpin oleh saudara Ahmad Ashraf Abdul Halim dan digerakkan oleh sukarelawan yang terdiri daripada para pelajar UniMAP. Atas kesedaran ingin membantu golongan kelainan upaya (OKU), seramai 80 orang pelajar UniMAP yang terdiri daripada pelajar tempatan dan antarabangsa telah mendaftar sebagai Sukarelawan #Projek ❤️ OKU. Para sukarelawan ini bergerak aktif mengadakan aktiviti-aktiviti bersama PDK di seluruh negeri Perlis dan usaha ini sangat dihargai oleh warga Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Perlis. Di akhir majlis, DYTM Tuanku Hajah Lailatui Shahreen Akashah Khalil berkenan untuk menyampaikan sijil penghargaan kepada semua sukarelawan yang terlibat.



DYTM Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil mencermati duli merasmikan Program Kesedaran Autisme di Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra.



DYTM Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil menyaksikan proses sulaman benang dan manik oleh warga PDK.



Disusun oleh: NUR MARWANI MALIKI  
nurmarwani@unimap.edu.my

## RAINBOW RUN



Program Charity Rainbow Run 2015 dengan jayanya telah diadakan pada 23 Mei 2015 lalu bertempat di Kolej Kediaman Tan Sri Aisyah Ghani, Wang Ulu. Program ini melibatkan pelajar, staf serta anak-anak istimewa dari Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) sekitar Perlis. Program anjuran Majlis Perwakilan Kolej Kediaman (MPKK) KKG ini berjaya melibatkan penyertaan hampir 700 peserta yang terdiri daripada pelajar UniMAP dan masyarakat sekitar. Sebahagian daripada kutipan yuran penyertaan turut disalurkan kepada tabung A-HEART. Turut berkenan berangkat hadir menyertai dan melancarkan peserta Charity Rainbow Run 2015 ialah Raja Puan Muda Perlis Tuanku Lailatul Shahreen Akashah Khalil merangkap Pro Cancellor UniMAP.

## PROGRAM I AM FOR U



Program I AM FOR U telah diadakan pada 13 Ogos 2015 bertempat di Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Residensi, Kangar. Program ini merupakan hasil kerjasama antara PUSPANITA, A-HEART UniMAP dan PDK Residensi . Pelbagai pengisian menarik telah diadakan seperti senamrobik, acara isi air dalam botol, acara kerusi muzik, dan pertandingan Bocce. Sukarelawan pelajar UniMAP turut menyertai dan memeriahkan lagi program ini. Program ini telah membantu memupuk hubungan erat antara A-HEART dan PUSPANITA. Selain itu, sukarelawan A-HEART juga berpeluang berkomunikasi dengan anak-anak istimewa.



# AKTIVITI@ KEMANIS A-



Disusun oleh: SUHANA MD TAHAR & NUR MARWANI MALIKI  
suhana@unimap.edu.my  
nurmarwani@unimap.edu.my

## PROGRAM PENJAGAAN DIRI

Anak-anak istimewa memerlukan kaedah penjagaan kesihatan khusus. Golongan ini lebih mudah terdedah kepada pelbagai masalah atau penyakit akibat masalah penjagaan diri. Ini termasuklah aspek kebersihan seperti tatacara mencuci tangan, menggosok gigi dan menjaga kebersihan rambut dari dijangkiti keleumur serta kutu. Justeru itu, jawatankuasa KEMANIS dengan kerjasama Pusat Kesihatan UniMAP telah mengambil inisiatif mengadakan satu slot khas untuk aktiviti penjagaan diri pada 6 Jun yang lalu. Seorang jururawat, Staf Nurse Zakiah telah dijemput khas bagi memberi taklimat dan mengajar cara-cara menjaga kebersihan diri secara praktikal. Setiap anak-anak KEMANIS dibekalkan dengan kit penjagaan diri iaitu berus dan ubat gigi, sikat dan tuala tangan.



## PROGRAM MEWARNA ANAK-ANAK KEMANIS



Sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri, satu slot aktiviti mewarna telah diadakan pada 11 Julai 2015 di Surau Kampus Pauh. Aktiviti tambahan ini bertujuan untuk memupuk kreativiti anak-anak KEMANIS. Ibu bapa anak-anak amat gembira dengan aktiviti ini kerana salah seorang anak-anak KEMANIS yang sebelum ini sukar untuk melakukan aktiviti mewarna, telah mampu untuk mewarna lukisan yang diberikan. Proses mewarna juga melatih mereka agar lebih

fokus kepada aktiviti sehari-hari. Anak-anak istimewa telah berjaya mewarna kad ucapan Hari Raya untuk diserahkan kepada ibu bapa mereka.

# TIPS

#IBU BAPAA

Disusun oleh: SUHANA MD TAHAA  
suhana@unimap.edu.my

## KEPENTINGAN DOA



Imam Ahmad meriwayatkan, daripada al-Nu'man ibn Basyir, bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda: "Sesungguhnya doa itu adalah ibadat." Doa ialah pengharapan seseorang untuk mendapatkan kebaikan daripada Allah s.w.t dengan memohon secara langsung kepada-Nya. Setiap individu ada mempunyai keperluan dan keinginan masing-masing sama ada secara positif atau negatif, kerana mereka terpaksa menghadapi pelbagai ragam hidup, yang berupa cabaran, halangan, dugaan dan lain-lain. Ibu bapa mungkin terlepas pandang akan perkara ini. Doa merupakan salah satu ibadat yang paling mudah untuk ibu bapa terapkan dalam amalan harian anak-anak istimewa ini. Ajarkan anak-anak berdoa, semudah dan seringkas yang boleh. Doa tidak memerlukan kita membuat temujanji untuk berjumpa atau mengadu kepada Allah.

Allah. Konsep meminta kepada Allah mestilah diujamakan. Beritahu kepada anak sekiranya ada sebarang permintaan, mintalah daripada Allah terlebih dahulu sebelum meminta daripada kita. Sekiranya anak masih non-verbal, ibu bapa perlu bacakan doa dan ajarkan mereka untuk mengaminkannya. Sekiranya doa anak istimewa tidak dihijab, alangkah beruntungnya ibu bapa itu.

SUMBER:

Zaini Abas, Pengurus Yayasan Pendidikan Al-Quran bagi Anak Istimewa (FAQEH)  
29 Mac 2015

## KELEBIHAN WUDHU



Wudhu boleh dijadikan sebagai terapi yang dianjurkan untuk ibu bapa lakukan apabila anak-anak TANTRUM atau TIDAK TENANG. Sekiranya anak belum tahu melakukan sendiri, ibu bapa boleh melakukannya untuk mereka. Mungkin ramai yang masih belum tahu bahawa anggota wudhu adalah terdiri daripada bahagian yang dikatakan pusat saraf. Pakar saraf (neurologis) telah membuktikan bahawa, air wudhu yang mengalir di hujung saraf jari kaki dan tangan mampu menenangkan fikiran. Pada setiap anggota badan yang terkena semasa berwudhu, terdapat ratusan titik akupunktur yang merupakan titik penerima ransangan terhadap sentuhan seperti basuhan, gosokan, usapan dan urutan ketika wudhu. Sentuhan tersebut ibarat isyarat ke sel, jaringan dan sistem organ yang bersifat terapi. Lanya terjadi kerana adanya sistem komunikasi iaitu sistem saraf dan hormon bekerja untuk mengadakan homeostasis (keseimbangan). Jumlah titik akupunktur pada anggota wudhu (rukun dan sunat) adalah sebanyak 493 titik yang terdiri daripada muka (84), tangan (95), kepala (64), telinga (125) dan kaki (125).

SUMBER:

Zaini Abas, Pengurus Yayasan Pendidikan Al-Quran bagi Anak Istimewa (FAQEH)  
5 April 2015

Autism speaks: Every Piece is Unique!





# FAKTA

## DI SEKILING KITA

Disusun oleh: NOOR AZLIZA BT  
ABDUL RAHMAN  
azliza@unimap.edu.my



### STATISTIK

Pada tahun 2014, Centers for Disease Control and Prevention's Autism and Developmental Disabilities Monitoring Network menentukan bahawa kira-kira 1 daripada 68 kanak-kanak (1 daripada 42 kanak-kanak lelaki, dan 1 daripada 189 untuk kanak-kanak perempuan) didiagnosis mempunyai gangguan spektrum Autisme di Amerika Syarikat. Simptom Autisme boleh dikesan melalui tanda-tanda awal pada bayi seawal usia 6-18 bulan. Contohnya, jika bayi yang cenderung mendominasi objek atau tidak bertindak balas kepada individu sekeliling, dibimbangi menunjukkan tanda-tanda awal gangguan spektrum Autisme.



### TINDAKAN

Sekiranya ibu bapa bimbang tentang perkembangan anak-anak, langkah yang perlu diambil adalah mendapatkan diagnosis daripada pihak pakar. Bagaimana hendak mendapatkan diagnosis tersebut?

- 1** Langkah pertama, rujuk *Child Development Milestone* (boleh dapatkan dari Internet). Guna maklumat tersebut untuk memastikan tahap perkembangan anak adalah mencapai tahap perkembangan yang sepatutnya atau tidak. Langkah ini juga boleh membantu anda memahami perkembangan anak-anak supaya nanti ketika berjumpa dengan doktor, anda mudah memahami apa yang dibincangkan.
- 2** Dapatkan surat rujukan pakar daripada doktor di klinik kesihatan kerajaan. Beri sebanyak mungkin maklumat tentang perkembangan anak dan bawa anak anda bersama supaya doktor tersebut boleh menilai sama ada anak anda mungkin mengalami apa-apa isu dan syak ianya Autisme atau Attention Deficit Hyperactivity Disorder (ADHD). Sekiranya anda tidak berpuas hati dengan keputusan doktor tersebut, pergi berjumpa dengan doktor lain untuk dapatkan pendapat lain (*get a second opinion*).
- 3** Setelah mendapat surat rujukan pakar, bawa surat tersebut ke hospital berdekatan yang mempunyai klinik pakar kanak-kanak atau klinik psikiatri untuk mendapat tarikh temujanji terlebih dahulu.
- 4** Perlu diingatkan, di hospital kerajaan, senarai menunggu untuk mendapat tarikh temujanji adalah sangat panjang dan ramai, sehingga boleh menjangkau tempoh melebihi setahun. Bagi yang berkemampuan, boleh terus ke klinik psikologi atau psikiatri swasta.
- 5** Bagi yang tidak mampu, buat temujanji di hospital kerajaan dan sementara menunggu tarikh temujanji tersebut, mulakan intervensi dengan anak terlebih dahulu. Dapatkan maklumat intervensi dari laman web yang berkaitan. Boleh rujuk Facebook Autisme Malaysia dan Permata Kurnia.

SUMBER:  
Autism Science Foundation, New York  
Facebook: Dr Hasnah Toran

# MAKANAN

ANAK AUTISME

Disusun oleh: SITI MAIMUNAH ISHAK  
sitiimamunah@unimap.edu.my

## IDEA UNTUK MENGGALAKKAN ANAK ISTIMEWA MENCUBA MAKANAN PELBAGAI MENU DAN DIET.



Adalah ditekankan bahawa kesemua idea pemakanan berikut hanyalah cadangan. Setiap keberkesanannya mungkin berbeza antara seorang anak istimewa dengan anak istimewa yang lain. Sila pastikan setiap arahan yang diberi adalah jelas, konsisten dan disampaikan dalam keadaan yang tenang. Sekiranya anak istimewa anda menolak pemberian makanan yang ditetapkan, jangan mudah stress!

### Carta Makanan

- Guna bantuan visual untuk memberi maklumat tentang makanan.
- Senaraikan menu untuk satu hari atau satu minggu.
- Senaraikan makanan yang berkhasiat dan biarkan anak anda memilih sendiri makanan yang hendak dimakan.



### Jadual waktu makan

- Adalah penting untuk anak anda mempunyai waktu makan yang tetap setiap hari. Sekiranya ia kedengaran agak disiplin, anda boleh memberi sedikit kelonggaran agar dapat memberi ruang kepada anak istimewa anda menyesuaikan diri dengan keadaan tersebut.
- Menggalakkan anak istimewa untuk melibatkan diri semasa proses penyediaan makanan contohnya semasa membuat menu yang ringkas seperti roti yang disapu mentega atau jem.

### Suasana tempat makan



Sediakan tempat makan khusus yang bersih dengan menggunakan peralatan makanan yang boleh menarik minat anak istimewa untuk makan seperti menggunakan sudu dan garpu plastik yang berwarna-warni atau menggunakan pinggan dan cawan yang mempunyai gambar watak kartun yang digemari.

### Ibu bapa sebagai model makan



Adalah lebih baik sekiranya ibu bapa turut makan bersama-sama anak istimewa. Sekiranya mereka melihat ibu bapa sendiri makan makanan yang serupa, kemungkinan besar mereka akan turut sama mengikutnya.

### Alihkan perhatian



Penggunaan gajet juga sesuai dijadikan sebagai ganjaran sekiranya mereka dapat menghabiskan makanan yang diberi atau sebagai medium untuk mengalihkan perhatian mereka. Misalannya anak-anak istimewa sangat stress sekiranya dipaksa makan, jadi ibu bapa boleh membiarkan mereka bermain dengan gajet yang disediakan sambil menyuap makanan tersebut.

SUMBER:  
The National Autistic Society, United Kingdom

KISAH DARI

# BUKU

Pilihan: Siti Maimunah Ishak  
sitimaimunah@unimap.edu.my

## Genius dari Syurga.

Nukilan Anizal Abdul Latif.

Ini cerita seorang ibu, Puan Ainizal Abdul Latif. Beliau mempelajari kehidupan melalui anaknya, Mohamad Haiqal Arrizqy, anak yang lahir normal dan sihat. Pada usianya menjangkau dua tahun, kelainan anak ini yang akhirnya terjawab apabila disahkan autistik.

"Ibu tetap menyayangi kamu sebagaimana adik-beradik yang lain."


Mengapa Rizqy seperti menjauhkan diri hingga ibu hilang punca dan hampir menyerah kalah. Bolehkah Rizqy membaca sedang satu perkataan pun belum pernah disebut? Mampukah Rizqy menguruskan dirinya sendirijika ibu dan ayahnya sudah tiada nanti? Sungguh ibu bapa mana yang tidak gusar bila memikirkan hal ini? Menguruskan Rizqy memerlukan ibu melihat dunia itu dari kaca mata lain. Bagaimana Rizqy melihat dunia, itulah pandangan yang sama dilihat oleh ibunya. Benar, anak-anak ini luar biasa. Seperti Rizqy, dia mengharapkan usaha dan doa yang luar biasa juga. Ibu tidak melihat Rizqy itu anak yang biasa-biasa, kerana pengalaman bersama melihat dunia bersama-sama sudah jauh berbeza. Genius dari Syurga menunjukkan dunia yang tersendiri. Ada warna yang tersembunyi.

"Ibu, izinkan saya tunjukkan kepada kamu."

"Kalaulari mereka ini hanya dapat diubati dengan suplemen dan ubat-ubatan yang mahal, kalaulari mereka ini dapat diubati hanya dengan menghantar mereka ke pusat-pusat pembangunan yang berprestij dan mahal, bagaimanakah nasib anak-anak autisme yang lahir dalam keluarga yang tidak berkemampuan untuk menyediakan semua keperluan tersebut kepada mereka?

Sebab itulah saya nyatakan yang mereka semua punya peluang yang sama untuk berubah asal sahaja kita sebagai ibu bapa benar-benar berusaha untuk mengubah mereka. Kita adalah doktor, pakar terapi, guru, serta pakar motivasi yang terbaik untuk anak-anak kita. Cinta yang kita curah kepada mereka tidak dapat kita nilaikan dengan apa yang ada di dunia ini..."

-Genius dari Syurga, Ainizal Abdul Latif-






# ANUGERAH TERINDAH

## UMAR HASFIZAL

Disediakan oleh:  
NOOR AZLIZA BT ABDUL RAHMAN  
azliza@unimap.edu.my



Umar Hasfizal disahkan sebagai anak Autisme sejak umur 2 tahun. Semenjak itu, Umar mengikuti program intensif dan menunjukkan peningkatan yang membanggakan untuk kanak-kanak autistik.

Ketika dia memperdengarkan bacaan Yasin dengan tajwid dan berlagu, tiada siapa yang akan menyangka bahawa Umar adalah anak Autisme.

Bagaimanapun, bagi Umar, Autisme yang menjadi mimpi ngeri kepada kedua ibu bapanya, bukan penghalang untuk dirinya menzahirkan keistimewaan yang dimiliki. Umar yang dilahirkan pada 29 Mei 1998 di Ipoh, Perak, bukan saja boleh menghafal surah Yasin yang mempunyai 83 ayat sepenuhnya, malah beberapa surah lain yang panjang seperti surah As-Sajdah, surah al-Jumaah dan al-Saf.

Kelebihan ‘memori foto’ pada Umar bukan saja membolehkannya menghafal surah panjang dalam al-Quran, malah berkebolehan menukar tarikh masih kepada Hijrah. Di samping itu berilah apa saja lagu yang ingin diperdengarkan, dia akan menyahut cabaran itu dengan alunannya sendiri sambil bermain keyboard.



Umar mempunyai bakat muzik yang luar biasa. Suaranya memikat hati penonton. Banyak pertandingan nyanyian telah disertai, antaranya

*The Malaysian Special Idol 2006* dan dinobatkan sebagai juara. Pada 2013, Umar mendapat pengiktirafan *International Naturally Autistic People Awards* sempena Festival dan Konvensyen di Kanada serta memenangi tempat kedua melalui kategori Persembahan Seni (Belia).

Beliau sering menerima jemputan dari agensi kerajaan dan badan-badan korporat. Umar juga diberi kepercayaan untuk menghiburkan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah D.M.N., D.K.H dan isteri kepada Perdana Menteri Malaysia, Datin Paduka Seri Rosmah Mansor.





# ANUGERAH TERINDAH

## UMAR HASFIZAL



Pada pertengahan 2012, dengan bantuan komposer Brian John Yim, Umar berjaya menerbitkan album pertama berjudul "I give the best of me" yang mengandungi 2 buah lagu. Usaha beliau menjadi inspirasi kepada komuniti, malahan Umar selalu diundang dalam program-program televisyen untuk berkongsi kisah kejayaannya.

Pada 9 Mei 2015, album kedua Umar dilancarkan sempena pertunjukan amal yang diadakan oleh Autisme Malaysia. Program tersebut berlangsung di Universiti Malaya. Album yang berjudul Doaku itu telah diterbitkan melalui kerjasama dengan pihak The Muhibbain.

---

### "I give the best of me" - Lyric by Brian John Yim

---

I AM ON A JOURNEY  
NO ONE UNDERSTANDS THE PAIN I BEAR  
NO ONE KNOWS WHAT'S LIES AHEAD  
MY FEARS AND TEARS WHOM CAN I SHARE


BUT I AM NOT ALONE  
DEEP WITHIN MY HEART I BELIEVE  
THE MIRACLES I SEEK ARE NOW WITHIN MY REACH

YOU HAVE COME TO ME  
I WILL SPREAD MY WINGS AND FLY ACROSS THE OCEAN  
I SEE MYSELF SOARING HIGHER AND HIGHER  
I SEE THE RAINBOW'S END  
THE COURAGE AND THE STRENGTH I GAIN I KNOW  
I CAN ACHIEVE MY DREAMS  
BEHOLD THE MOMENT IS HERE  
I GIVE THE BEST OF ME

IF WE WOULD JUST BELIEVE  
FAITH IN THE THINGS YET UNSEEN  
NO MATTER WHERE WE ARE OR WHERE WE'RE GOING  
LOVE THERE WILL BE  
WE CAN BE WHERE OUR DREAMS MEET REALITY  
BUT I AM NOT ALONE  
DEEP WITHIN MY HEART I BELIEVE  
THE MIRACLES I SEEK ARE NOW WITHIN MY REACH

THE STORMS WILL NOT STOP ME  
THE FIRE WILL CEASE  
I GOT TO KEEP FLYING  
AS I SOAR TO GREATER HEIGHTS  
A MILLION STARS NOW I SEE  
THAT'S WHERE YOU'LL FIND ME


SUMBER:  
Umar Hasfizal's Official Website



# TAHUKAH ANDA?




**Susan Boyle**, 52 tahun, mempunyai Sindrom Asperger. Beliau telah muncul sebagai bintang dunia dalam bidang muzik. Boyle mula terkenal melalui rancangan televisyen *Britain's Got Talent* pada tahun 2009. Persembahan "I Dreamed A Dream" dari muzikal *Les Misérables* telah mengangkat nama Boyle dalam industri muzik.



**Mary Temple Grandin**, seorang peguam bela Autisme yang terkenal dan juga pengarang beberapa buah buku mengenai Autisme. Beliau sering berkongsi pengalaman hidupnya yang membesar sebagai autistik. Beliau kini merupakan seorang professor di Colorado State University. Pada tahun 2010, filem bertajuk "Temple Grandin" ditayangkan untuk memaparkan kisah hidup beliau.

The longer a child with autism goes without help, the harder they are to reach.



Kami memerlukan sokongan anda!

Hubungi:  
Autism Hub for Educational Resources and Training (A-HEART)  
d/a Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra  
Universiti Malaysia Perlis  
Kampus Induk Pauh Putra  
02600 Arau, Perlis

Emel: [aheart@unimap.edu.my](mailto:aheart@unimap.edu.my)

Tel: 04-9885402

# KATALOG

Kirtanraw Subramanian

" The Exploration Journey "



Acrylic on canvas  
RM 35



Acrylic on canvas  
RM 35



Acrylic on canvas  
RM 35



Acrylic on canvas  
RM 35



Acrylic on canvas  
RM 35



Acrylic on canvas  
RM 35



Acrylic on canvas  
RM 35




Acrylic on canvas  
RM 35



Acrylic on canvas  
RM 35



Acrylic on canvas  
RM 35



Acrylic on canvas  
RM 35




Acrylic on canvas  
RM 35



Acrylic on canvas  
RM 35



Acrylic on canvas  
RM 35




Acrylic on canvas  
RM 35



Acrylic on canvas  
RM 35



Acrylic on canvas  
RM 35



Acrylic on canvas  
RM 35



Acrylic on canvas  
RM 35



Acrylic on canvas  
RM 35



Acrylic on canvas  
RM 35



Acrylic on canvas  
RM 35



Acrylic on canvas  
RM 35



Acrylic on canvas  
RM 35



Acrylic on canvas  
RM 35

# KATALOG

Kirtanraw Subramanian

" The Exploration Journey "




Acrylic on canvas  
RM 35



Acrylic on canvas  
RM 35




Acrylic on canvas  
RM 35



Acrylic on canvas  
RM 35




Acrylic on canvas  
RM 35



Acrylic on canvas  
RM 35



Acrylic on canvas  
RM 35



Acrylic on canvas  
RM 35



Acrylic on canvas  
RM 35



Acrylic on canvas  
RM 35



Acrylic on canvas  
RM 35



Acrylic on canvas  
RM 35



Acrylic on canvas  
RM 35



Acrylic on canvas  
RM 35



Acrylic on canvas  
RM 35



Acrylic on canvas  
RM 35



Acrylic on canvas  
RM 35



Acrylic on canvas  
RM 35



Acrylic on canvas  
RM 35



Acrylic on canvas  
RM 35

Each Artwork Included Wooden Frame

\* RM 35 each



KAMI MEMERLUKAN SOKONGAN ANDA!

Autism Hub For Educational resources and Training (A - HEART)

d/a Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra

Universiti Malaysia Perlis  
02600 Arau, Perlis

aheart@unimap.edu.my

604 - 9885402